

Pemotong rumput mengaku pecah masuk kopitiam dipenjara 12 bulan

KUCHING: Seorang pemotong rumput dijatuhi hukuman penjara 12 bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mencero boh masuk sebuah kopitiam di Bandar Baru Samariang di sini pada 31 Ogos lalu, dengan niat untuk mencuri.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali terhadap Raziman Fitri Omar, 49, yang tidak diwakili peguam dan dituduh mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan.

Nur Syaheeqa memerintahkan hukuman penjara bagi tertuduh untuk dikuatkuasakan mulai semalam.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 11.09 malam pada 31 Ogos lalu di sebuah kopitiam di Bandar Baru Samariang, Jalan Sultan Tengah di sini.

Berdasarkan fakta kes, pemilik kopitiam iaitu wanita berusia 44 tahun mendapati mangga pintu stor penyimpanan barang premis berkenaan telah diumpil.

Pengadu melakukan pemeriksaan dan seterusnya mendapati wayar penyambungan mikrofon, seunit permaidani dan perkakas catering telah hilang.



KE PENJARA: Tertuduh (kanan, hadapan) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret semalam selepas dijatuhkan hukuman.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh pada 17 September lalu.

Polis turut merampas seunit karpet daripada tertuduh

ketika tangkapan dibuat.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh memecah masuk ke tingkat satu sebuah bangunan kedai yang disewa oleh pengadu, yang menempatkan ruang penyimpanan perkakas

katering serta sebuah dewan kecil untuk jamuan.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di dalam bangunan turut menunjukkan tertuduh membawa seunit karpet.

Pengadu kemudian mengesahkan tertuduh dan mengenalinya sebagai individu yang kerap membeli makanan di kedai makan miliknya.

Di mahkamah sama, tertuduh juga dijatuhi hukuman penjara 10 bulan berkuat kuasa semalam selepas mengaku bersalah di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15(1) Akta sama kerana mengambil dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine.

Majistret Nur Syaheeqa mengarahkan tertuduh menjalani dua tahun pengawasan polis selesai menjalani hukuman.

Kesalahan itu dilakukan sekitar jam 2.41 petang di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching pada 28 September 2022.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Siti Radhiah Abdul Rahman.